

20 JUL 1997

Samy-Pekerja

MIC AKAN HANTAR MEMORANDUM KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGERI

SEREMBAN, 20 Julai (Bernama) -- MIC akan segera menyiapkan kertas kerja untuk dihantar kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri supaya melindungi pekerja-pekerja ladang apabila ladang tempat mereka bekerja dijual kepada syarikat lain.

Presiden MIC Datuk Seri Samy Vellu berkata, kertas kerja serupa itu juga akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengkaji dan mengubal undang-undang melindungi pekerja ladang di negara ini.

Pemilik-pemilik ladang rakyat Malaysia yang mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit hasil penjualan ladang itu, masih bersikap penjajah, ladang bertukar hak milik, tetapi pekerja hanya diberi 22 hari gaji sahaja dan diusir, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Negeri Sembilan, di Kolej TAFE di sini, hari ini.

Kemudian jika pekerja-pekerja itu tidak keluar daripada ladang terbabit dalam tempoh 30 hari, surat peguam untuk mengusir mereka akan dihantar, sedangkan mereka telah tinggal dan bekerja di ladang itu lebih 35 tahun, katanya

Selanjutnya, beliau akan mengadakan dialog dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW).

Beliau berharap pekerja-pekerja ladang tidak lekas akur dan menandatangani perjanjian dengan pihak ladang sebaliknya mengambil kira akan kepentingan mereka seperti tempat berlindung dan pampasan.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya, berkata Lebuhraya Banting-Port Dickson- Melaka yang dalam perancangan akan menjadi pemangkin kepada kawasan pertumbuhan baru di sepanjang laluan.

Ini bermakna beberapa ladang akan bertukar menjadi kawasan industri, perdagangan dan perumahan dan yang pasti terjejas dengan kemajuan ini ialah pekerja-pekerja ladang yang akan hilang pekerjaan, rumah dan lain-lain kemudahan.

Sehubungan itu, beliau difahamkan Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan beberapa bidang tanah untuk pembangunan semula sekolah-sekolah Tamil di negeri itu termasuk juga tanah untuk kuil.

MIC berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad yang dapat memberi penyelesaian segera kepada permasalahan masyarakat keturunan India, katanya. -- BERNAMA.

AS PR